

Persiapan kemudahan

UDA 4 SEP 2002
Oleh ZULKIFLI JALIL

KUALA LUMPUR 3 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, persiapan untuk melengkapkan kemudahan pembelajaran bahasa Inggeris (BI) dalam Sains dan Matematik di sekolah tahun depan tetap diteruskan walaupun kerajaan masih menimbang kaedah sesuai pelaksanaan dasar baru tersebut.

Tegas Perdana Menteri, berdasarkan maklum balas yang diterima, banyak pihak termasuk majoriti kaum Melayu dan Cina bersetuju dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar.

Ini bermakna, kata beliau, semua sekolah akan dibekalkan dengan komputer, projektor serta kemudahan lain sebagai alat bantu bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir menegaskan, beliau akan berbincang dengan Kabinet mengenai cadangan beberapa pihak berhubung pelaksanaan bahasa Inggeris dalam Sains dan Matematik yang antaranya mahukan hanya di sekolah menengah.

“Tentulah, saya mesti bincang dengan Kabinet sebab ini bukan kepu-

tusan saya sendiri, ini (keputusan) Kementerian Pendidikan, takkanlah saya hendak mendahuluinya, saya kena tanya dia (Kabinet).

“(Tetapi) walau apa keputusan yang dibuat, kemudahan itu (pembelajaran bahasa Inggeris) mesti ada seperti yang dilihat semalam, semua mereka bersetuju dengan peningkatan pengajaran bahasa Inggeris. Ini bermakna komputer dan lain-lain alat diperlukan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Percukaian Nasional Kedua di Palace of The Golden Horses, Seri Kembangan dekat sini hari ini.

Beliau mengulas keengganan wakil-wakil Persekutuan Dewan Perdagangan dan Industri Cina Malaysia (ACCIM) dan Tujuh Federasi Utama Persatuan-Persatuan Suku Cina (Tujuh Suku) yang menemuinya semalam, menerima pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah rendah.

Sebaliknya, kedua-dua pertubuhan itu mahukan ia dilaksanakan di sekolah menengah.

Menurut Dr. Mahathir, dalam pertemuan dengan ACCIM dan Tujuh Suku semalam, beliau menerima banyak cadangan mengenai kaedah pelaksanaan dasar baru yang akan dikuatkuasakan tahun depan itu.

Katanya, ada wakil mahu ia dilak-

sanakan di sekolah menengah dan tidak kurang berkehendakkan pelaksanaannya bermula pada tahun empat sekolah rendah.

“Jadi, kita mesti timbang lagi, belum buat keputusan.

“Berkenaan pembelajaran bahasa Inggeris pula, nampaknya sekolah Cina pun terima dan majoriti orang Melayu terima peningkatan pelajaran ini termasuk ahli bahasa, mereka nak kita tingkatkan bahasa Inggeris,” katanya.

Dalam pertemuan dengan Perdana Menteri di Putrajaya semalam, ACCIM mahu bahasa ibunda dikekalkan bagi pengajaran Sains dan Matematik di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).

Pada masa sama, Tujuh Suku berharap kerajaan menimbang melaksanakannya di sekolah menengah.

Bercakap pada sidang akhbar selepas pertemuan itu semalam, Dr. Mahathir berkata, ahli-ahli pendidik Cina perlu menerima hakikat bahawa sekolah Cina di Malaysia tidak boleh dan tidak akan sama dengan sekolah Cina di Tanah Besar China.

Tegasnya, sekolah Cina untuk kaum itu di Malaysia perlu menerima perkara-perkara yang dianggap ‘kebangsaan’ bagi negara ini kerana mereka bukannya rakyat China, Taiwan atau Hong Kong.

BI tetap diterus